

45

Soalan No:27

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]**

**TARIKH : 4.4.2018 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status penyelarasan pembinaan dan baik pulih sekolah-sekolah daif di Sabah, terutama di kawasan Parlimen Libaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2017, kerajaan telah melaksanakan pembangunan semula 30 buah sekolah daif secara *Industrialised Building System* (IBS) di negeri Sabah yang melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM116 juta. Daripada 30 buah sekolah, 16 projek telah siap sepenuhnya termasuklah SK Pulau Libaran manakala 14 projek lagi dalam pelaksanaan.

Bagi tahun 2018, sebanyak 109 buah sekolah di Sabah yang telah dikenal pasti untuk pembaikan sekolah daif yang melibatkan agensi pelaksana JKR dan KPM. 37 buah sekolah telah diserahkan kepada JKR Sabah untuk pelaksanaan pembaikan sekolah daif manakala 72 buah sekolah akan dilaksanakan oleh KPM.

Bagi Parlimen Libaran, SK Kampung Pertanian telah siap dilaksanakan pada 22 Disember 2017 yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3 Juta. Manakala, bagi tahun 2018, tiga buah sekolah daif telah dikenal pasti untuk dilaksanakan pembaikan iaitu SK Nunuyan Laut, SK Gum-Gum Kecil dan SK Batu 16, Gum-Gum.

RJM95